

15/09/2003

Tauke seludup simpan wang haram RM400 juta

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Kastam Diraja Malaysia (KDRM) mendedahkan ada `tauke' sindiket penyeludupan mempunyai simpanan wang di luar negara sehingga RM400 juta hasil daripada kegiatan haram mereka.

Berikutan pulangan lumayan yang diperoleh, penyeludup berkenaan mampu mengupah pengintipnya lebih RM1,000 dan melengkapkan mereka dengan alat komunikasi canggih untuk mengawasi gerak geri pegawai kastam, kata Timbalan Ketua Pengarah KDRM (Pencegahan), Abdul Rahman Hamid.

Kumpulan jenayah terancang itu menguasai kawasan tertentu untuk menjalankan kegiatan masing-masing dan akan menghapuskan anggota sindiket lain jika mencerooboh kawasan mereka.

Sindiket itu yang menjadi begitu berkuasa, dikatakan sanggup melakukan apa saja untuk melindungi kegiatan haram mereka daripada tindakan pihak berkuasa. Malah, pegawai kastam sukar untuk `masuk' kawasan tertentu bagi melakukan penguatkuasaan.

Sebagai kumpulan jenayah terancang, sindiket itu mempunyai cara operasi sendiri, iaitu bergerak sebagai sebuah organisasi dan mempunyai pegawai kewangan, pemasaran dan unit logistiknya, selain pasukan risikan.

Beberapa sindiket sering membentuk pakatan sesama sindiket lain apabila menyeludup barang bagi mengurangkan kerugian jika penghantaran berjaya dihidu dan dipatahkan pihak berkuasa.

Abdul Rahman, berkata kegiatan haram berkenaan memberikan pulangan tinggi kerana barang diseludup membabitkan nilai cukai yang tinggi.

Antaranya, keretek, rokok, minuman keras dan mercun. Maklumat risikan KDRM mendapati sindiket penyeludup akan meraih keuntungan sehingga RM1.2 juta jika berjaya menyeludup masuk dua bot pancung keretek.

"Ada beberapa tauke yang kita kesan...sesetengahnya mempunyai simpanan RM400 juta di luar negara hasil kegiatan haram mereka. Inilah sebabnya berlaku beberapa pembunuhan baru-baru ini kerana berebut kawasan," katanya kepada Berita Harian.

Mengikut kajian Persekutuan Pengusaha Tembakau Malaysia, kira-kira 20 peratus daripada pasaran tempatan dikuasai pengusaha haram menyebabkan kerajaan menanggung kerugian kira-kira RM1.2 bilion, tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Bajet 2004, Jumaat lalu, turut menyentuh isu penyeludupan rokok, dan tindakan kerajaan melaksanakan penggunaan pelekat khas (banderol) serta dakwat keselamatan bagi memastikan hanya produk sah dijual.

Abdul Rahman berkata, KDRM sedang mengubah dan memperkemas pendekatan penguatkuasaan, pencegahan dan risikan termasuk membentuk unit baru, Pasukan Gerak Cepat, bagi meningkatkan keberkesanannya.

Pasukan itu ditubuhkan di setiap negeri dengan penyelarasan dibuat di ibu pejabat. Jika berlaku sesuatu kes yang memerlukan tindakan segera, unit di semua negeri akan digerak dan digembleng serta merta.

"Sebelum ini, ia dikendalikan oleh unit di negeri saja dan ini menyebabkan ada kes yang kastam sendiri tidak mampu melakukannya kerana sindiket lebih kuat sama ada dari segi persenjataan mahupun anggotanya.

"Inilah yang kita terpaksa tempur dengan kekuatan. Saya tidak mahu ada kawasan yang kita tidak boleh masuk. Ketika ini, ada kawasan kalau kita masuk, kita akan kena...sekarang kita pergi dengan kekuatan seperti Ops Tempur 1 di Miri," katanya.

Dalam Ops Tempur 1 di Miri, baru-baru ini, kira-kira 40 pegawai pencegahan KDRM dari seluruh Semenanjung diterbangkan ke Miri untuk beroperasi di sana bagi menangani kegiatan penyeludupan.

"Sekarang kita datang berpasukan menghentam sindiket penyeludupan kerana mereka ada organisasi tersusun. Kita cuba atasi dengan menentang mereka...kita tunjuk kita lebih kuat dan boleh (patahkan)," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya juga akan menubuhkan Pasukan Gerak Cepat di laut bagi memberi bantuan ke atas aktiviti pencegahan di laut.

"Ketika ini, kita menghadapi tentangan yang agresif daripada penyeludup...berlaku tembak menembak dan sebagainya," katanya sambil menambah KDRM juga menubuhkan Pusat Risikan Kastam (CIC) yang mengumpul maklumat risikan kegiatan penyeludupan.